



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PELANCARAN PROJEK PERINTIS FREE WIFI
& TRANSAKSI TANPA TUNAI DI ASTAKA BANDAR
PERDA

OLEH

YANG BERTHORMAT TUAN JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL
SINGH

**AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
MERANGKAP Pengerusi Jawatankuasa Perumahan,
KERAJAAN TEMPATAN DAN PERANCANGAN BANDAR & DESA**

TARIKH / MASA / TEMPAT

12 OKTOBER 2021 (SELASA)

9.30 PAGI

**PERKARANGAN ASTAKA BANDAR PERDA
BANDAR PERDA**

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar & Desa

Yang Dihormati WHIP Parti

Encik David Marshel a/l Pakianathan

Encik Ahmad Rizal bin Abd Hamid

Encik Muhamad Suzuki bin Ahmad

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid

Pemangku Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Encik Adely Mahyuddin

Ketua Pegawai Teknologi

Mutiara Smart Sdn. Bhd.

Encik Eric Tan

Pengurus Boost Penang

Warga Kerja

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Peniaga-Peniaga

Astaka Bandar Perda

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izin-Nya dapat kita bersama-sama pada hari ini dalam Majlis Pelancaran Projek Perintis *Free Wifi & Transaksi Tanpa Tunai* Di Astaka Bandar Perda.

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar & Desa kerana sudi hadir dan seterusnya merasmikan program kita pada pagi ini.

Saya juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Dihormati WHIP Parti dan Ahli-Ahli Majlis MBSP; Yang Berusaha Tuan Pemangku Setiausaha Bandaraya MBSP, Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan dan warga kerja MBSP; peniaga-peniaga dan pengunjung-pengunjung Astaka Bandar Perda; dan tuan-tuan dan puan-puan sekalian yang sudi hadir untuk menjayakan program ini.

Tidak ketinggalan juga saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Encik Adely Mahyuddin, Ketua Pegawai Teknologi Mutiara Smart Sdn. Bhd. dan Encik Eric Tan, Pengurus Boost Penang serta pasukan mereka serta Jabatan Perbendaharaan, Jabatan Teknologi Informasi dan Komunikasi dan Jabatan Pelesenan di MBSP yang telah memberi komitmen padu dalam menjayakan program pada hari ini.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Dalam merealisasikan aspirasi bandaraya masa hadapan iaitu *Smart Sustainable City* dan selaras dengan wawasan Penang2030 iaitu "***A Family Focused Green and Smart State That Inspires the Nation***" (**Penang2030: Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara**), MBSP telah melaksanakan pembaharuan institusi atau *institutional reform* dalam penyampaian perkhidmatan bagi memperbanyakkan penggunaan teknologi digital dan meningkatkan kualiti kehidupan rakyat. Salah satunya adalah projek perintis khas telah dirancang oleh Jabatan Perbendaharaan bersama Jabatan Teknologi Informasi dan Komunikasi serta Jabatan Pelesenan di MBSP untuk mewujudkan perkhidmatan wifi percuma di Astaka Bandar Perda untuk kegunaan peniaga dan pengunjung tempatan dan pengunjung luar dan

memberi kemudahan dan menggalakkan pembayaran tanpa tunai dalam kalangan peniaga dan pengunjung.

Kerja-kerja pemasangan peralatan dan instrumen wifi di Astaka Bandar Perda telah bermula sejak 25 Ogos 2021 secara berperingkat di mana pihak Mutiara Smart Sdn. Bhd. telah berbesar hati untuk menaja perkakasan serta perkhidmatan wifi percuma dengan memilih Astaka Bandar Perda sebagai projek perintis free wifi yang pertama untuk kompleks makanan di Seberang Perai. Wifi percuma disediakan oleh Syarikat Mutiara Smart Sdn Bhd utk memberi kemudahan dan menggalakkan penggunaan pembayaran tanpa tunai dalam kalangan peniaga dan pengunjung.

Kolaborasi MBSP dengan Mutiara Smart Sdn Bhd. adalah selaras dengan konsep 7Ps (*People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher and Planet Partnership*) dalam menjalin *smart partnership*. MBSP juga berharap, satu masa nanti keseluruhan lokasi premis MBSP akan dilengkapi dgn kemudahan wifi percuma dengan kerjasama strategik sebegini.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Dalam meneruskan agenda transformasi digital Negeri Pulau Pinang, MBSP juga telah mengambil langkah proaktif dengan **inisiatif pembayaran tanpa tunai**. MBSP telah meneruskan kerjasama strategik 7P bersama pihak institusi-institusi perbankan dan pengeluar wang elektronik bukan bank bagi memastikan Pulau Pinang menjadi negeri Negeri Pintar Bertaraf Antarabangsa menjelang tahun 2030 melalui penggunaan transaksi digital bagi semua urusan pembayaran.

MBSP telah mengadakan kolaborasi dengan pihak Boost berkaitan *cashless initiative* bagi pembayaran melalui *e-wallet* aplikasi Boost untuk cukai taksiran, sewaan, dan kompaun letak kereta. Kerjasama ini telah dicetuskan dan direalisasikan oleh Jabatan Perbendaharaan MBSP dan ianya telah dilancarkan oleh Yang Berhormat Tuan Jadgeep Singh Deo a/l Karpal Singh pada 21 November 2020 yang lalu.

Transformasi Digital MBSP ke arah transaksi tanpa tunai telah menampakkan kejayaan dari tahun ke tahun dan diterima oleh rakyat Seberang Perai. MBSP telah membangunkan MBSPPay yang dipaparkan di *cyber counter* sebagai *payment gateway* dan *one stop payment centre* di

mana pengguna boleh melakukan pelbagai jenis pembayaran bil-bil MBSP secara atas talian seperti cukai taksiran, sewaan gerai / tapak, kompaun letak kenderaan, kompaun halangan, kompaun pelesenan, kompaun bangunan, kompaun perbandaran, kompaun kesihatan dan kompaun veterinar dengan hanya satu transaksi sahaja. Pembayaran dibuat melalui penggunaan kad kredit dan kad debit; e-Pembayaran melalui FPX/Kad Kredit; *QR Bill* bagi tujuan imbas dan bayar. Tujuan pembangunan MBSPPay adalah untuk mengurangkan kebergantungan dan kesesakan di kaunter MBSP. MBSPPay dapat menjimatkan masa dan boleh dilakukan di mana-mana sahaja pada bila-bila masa.

Agenda Transformasi Digital ini diperluaskan dengan penggunaan teknologi *eWallet*. Malahan team inovasi Jabatan Perbendaharaan, Majlis Bandaraya Seberang Perai bersama Boost berjaya membangunkan *Integrated eWallet* yang pertama di Malaysia. Perkhidmatan *eWallet*, Boost@MBSP, menawarkan pembayaran bil-bil MBSP menggunakan *eWallet Boost*. Menerusi kerjasama ini, warga Seberang Perai kini boleh membayar cukai taksiran, kompaun letak kereta dan sewa gerai kepada MBSP dengan mudah dan selamat hanya dengan tiga (3) langkah.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

MBSP akan terus komited untuk membawa perubahan kepada rakyat melalui *institutional reform*, ekonomi sirkular dan ekonomi digital supaya semua rakyat Seberang Perai dapat menikmati faedahnya serta menyelesaikan masalah yang mereka hadapi pada ketika ini. Justeru Plan Ekonomi Digital Seberang Perai 2021 menumpukan kepada usaha-usaha kebolehsampaian dana (*accessible to funding*) kepada gulungan peniaga kecil, peniaga tepi jalan, peniaga pasar malam, peniaga pasar awam, peniaga atas talian dirumah melalui Digital Bank, kerjasama pintar MBSP dan Boost yang sedang dibincangkan secara *serious*. MBSP mahu membuktikan bahawa MBSP bukanlah agensi yang rakus dengan penguatkuasaan, sebaliknya MBSP sentisa mencari penyelesaian kepada masalah rakyat disamping menjalankan penguatkuasaan berhemah.

Mengorak langkah daripada ini dan demi memastikan usaha memperkasakan inisiatif tanpa tunai diteruskan, fokus ini telah beralih kepada urusan yang melibatkan jual beli dikompleks makanan milik MBSP. Transaksi tanpa tunai bagi pelaksanaan di Astaka Bandar Perda ini bermaksud pembayaran bagi semua transaksi wang tunai melalui institusi-institusi kewangan yang menyediakan perkhidmtan e-Dompot (e-Wallet)

yang mana pembayaran ini dibuat secara terus dari pembeli kepada peniaga menggunakan aplikasi e-dompet yang disediakan.

Program ini dilaksanakan bertujuan untuk memperluaskan aktiviti ekonomi peniaga melalui platform berteknologi tinggi serta pembayaran tanpa tunai bagi mengurangkan jurang digital di kalangan rakyat Negeri Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, inisiatif ini tidak bermaksud transaksi menggunakan wang tunai tidak diterima lagi. Orang ramai amatlah digalakkan untuk menggunakan inisiatif pembayaran tanpa tunai untuk tujuan jual beli tetapi masih boleh menggunakan wang tunai sebagai kaedah pembayaran alternatif.

Untuk peringkat permulaan semua peniaga digalakkan mendaftar dengan E-Wallet Boost. Bilangan peniaga yang telah mendaftar bagi perkhidmatan transaksi tanpa tunai di Astaka Bandar Perda sehingga kini ini adalah peniaga daripada 14 gerai yang terdapat di sini. Keseluruhannya terdapat sebanyak 42 gerai di Astaka Bandar Perda. Penggunaan transaksi tanpa tunai ini memberi banyak faedah kepada peniaga dan pengguna:-

- i. Pembayaran tanpa tunai mampu mengurangkan serta mengawal penularan Covid-19 dalam urusan perniagaan kerana tiada sentuhan fizikal semasa berurusan.

- ii. Bagi peniaga ianya membantu peniaga mempunyai rekod transaksi jualan secara automatik setiap hari, masa transaksi bayaran menjadi lebih cepat berbanding penggunaan wang tunai, dan mengurangkan risiko penerimaan wang palsu.
- iii. Bagi pengguna atau pengunjung pula, mereka tidak perlu membawa wang tunai yang banyak ke pasar, risiko kehilangan wang tunai boleh dikurangkan dan boleh mendapat “*cash-back*” iaitu pulangan wang tunai dengan jumlah perbelanjaan tertentu.

MBSP amat-amat berharap dengan Inisiatif Tanpa Tunai di Astaka Bandara Perda akan dapat sedikit sebanyak membantu meningkatkan jualan dan melancarkan urusan para peniaga. MBSP juga komited untuk terus mara ke hadapan dalam usaha pembaharuan digital dan pintar seiring dengan penglibatan setiap lapisan masyarakat dan pihak industri selaras dengan Visi Penang2030 untuk muncul sebagai negeri yang menginspirasi negara.

Adalah diharapkan penduduk Seberang Perai akan bersama-sama menjayakan pelaksanaan inisiatif tanpa tunai bermula di Astaka Bandar Perda dan secara berperingkat diperluaskan ke semua kompleks dan

premis MBSP di seluruh Seberang Perai dan mengambil peluang menggunakan perkhidmatan yang disediakan ini.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Sebelum saya mengakhiri kata-kata saya, terima kasih saya ucapkan kepada semua yang bertungkus lumus bagi menjayakan Majlis Pelancaran Projek Perintis *Free Wifi & Transaksi Tanpa Tunai* Di Astaka Bandar Perda. Terima kasih tidak terhingga kepada Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh, yang sudi merasmikan pelancaran Majlis Pelancaran Projek Perintis *Free Wifi & Transaksi Tanpa Tunai* Di Astaka Bandar Perda, serta Ahli-Ahli Majlis dan warga kerja MBSP yang hadir memberikan sokongan padu ke atas usaha-usaha ini. Saya berdoa dan berharap agar rakyat Seberang Perai akan hidup aman, makmur, sejahtera dan menjadi masyarakat pintar yang menghuni Bandar Pintar. Jadikan cabaran pemangkin semangat untuk kita terus berjuang menjadikan “*Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow*” atau “Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan”.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih atas sokongan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Warga Seberang Perai terhadap MBSP selama

ini. MBSP juga akan sentiasa menyokong Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan meletakkan kehendak masyarakat di hadapan bagi memakmurkan bumi Seberang Perai. MBSP tidak akan berhenti berjuang dan kami perlukan sokongan dan kerjasama semua bagi menjayakan hasrat dan matlamat MBSP ke arah *Smart Sustainable City* dan seterusnya menjadikan “*Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow*” atau “Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan”. *Stay safe and healthy.*

Sekian,

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***

Terima kasih, Xie Xie, Nandri, Thank You.